

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]**

**SOALAN**

**DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan dalam bentuk jadual, statistik pengangguran di Sarawak terutamanya sejak bulan Januari 2021 berbanding dengan tempoh sama tahun berikutnya dan inisiatif Kerajaan yang wujud bagi menangani masalah pengangguran terutamanya di golongan belia Sarawak disebabkan kesan COVID-9 ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan data terkini kaji selidik Tenaga Buruh Malaysia, kadar pengangguran di Sarawak bagi suku ketiga 2021 ialah 4.6 peratus berbanding suku kedua 2021 iaitu 4.4 peratus.

Statistik pengangguran di Sarawak berdasarkan sukuan tahun 2021 adalah seperti berikut :

<b>SUKUAN TAHUN (Q) 2021</b>	<b>KADAR PENGANGGURAN (%)</b>	<b>BILANGAN PENGANGGURAN (‘000)</b>
Suku Pertama (Q1) 2021	4.7	64.2
Suku Kedua (Q2) 2021	4.4	62.6
Suku Ketiga (Q3) 2021	4.6	64.7

Pelbagai usaha dan inisiatif dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha menangani masalah pengangguran rakyat termasuklah golongan belia di Sarawak disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Di bawah pakej **Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH)** Kerajaan melalui PERKESO melaksanakan beberapa inisiatif untuk tempoh mulai 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021. Antaranya adalah melalui program-program di bawah **Penjana Kerjaya 3.0** yang bertujuan menyediakan peluang kerjaya seperti:

- i. inisiatif yang membantu **golongan mudah terjejas** dengan memberi dorongan kepada majikan untuk membuat pengambilan pekerja berusia 40 tahun ke atas, OKU dan bekas banduan dengan tempoh

kontrak penggajian dikurangkan daripada satu (1) tahun kepada enam (6) bulan;

- ii. **Malaysianization** yang menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan;
- iii. **Program KerjayaGig** merupakan peluasan insentif pengambilan pekerja meliputi pekerjaan gig atau sementara untuk golongan penganggur tegar **lebih daripada 180 hari**.
- iv. **Insentif Penempatan Pekerjaan oleh Agensi Pekerjaan Swasta (APS)** diberikan secara *one-off* bagi penempatan pekerja berkemahiran rendah.

Kerajaan juga memperkenalkan **Program Perantisan** yang secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan secara perantisan bagi golongan graduan. Para graduan yang dilantik sebagai perantis layak untuk menjalani latihan bagi peningkatan kemahiran dan kemahiran semula. Jumlah perantis yang telah mendapat peluang menjalani perantisan ialah **44,843 graduan**.

Program kolaborasi rentas Kementerian dan dengan pihak swasta turut dilaksanakan bertujuan untuk membantu rakyat Malaysia secara menyeluruh. Antara kolaborasi yang telah dilaksanakan adalah melibatkan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Belia dan bagi **program-program penempatan pekerjaan** dengan menganjurkan aktiviti temuduga termasuk kepada golongan siswazah.

Kolaborasi bersama Microsoft Malaysia turut diadakan dalam **Program Kemahiran Digital Bagi Kerjaya Hari Esok** bertujuan mendedahkan peserta kepada kursus kemahiran digital, kemahiran insaniah dan peluang penempatan pekerjaan yang berpotensi

Pencari kerja yang belum mencarum dengan PERKESO perlu mendaftar di Portal Pekerjaan Negara, **MyFutureJobs** dan menghadiri temuduga terbuka sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam tempoh dua (2) bulan. Insentif Elaun Mencari Pekerjaan akan diberikan sebanyak RM300 sebulan. Sekiranya pencari kerja kembali bekerja atau mendapat pekerjaan melalui MyFutureJobs, jumlah insentif sebanyak RM400 akan turut diberikan.

Kerajaan turut memperluaskan Insentif Elaun Mencari Pekerjaan **meliputi golongan yang tidak mencarum dengan PERKESO** termasuklah graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal yang dikenali sebagai **SIP Prihatin 2.0**.

Selanjutnya, usaha pemerksaan ekosistem bakat diteruskan dengan program-program di bawah TalentCorp yang berfokus kepada pembangunan kebolehpasaran dan kebolehkerjaan bakat muda negara melalui inisiatif antaranya platform analitis penilaian psikometrik bersepadu *Nurturing EXpert Talent* (MYNext), Program Latihan Industri Berstruktur, *Young Employable Students* (YES!), Kolaborasi Industri-Akademia [*Industry-Academia Collaboration* (IAC)], Badan Penasihat Industri & Bakat [*Industry-Talent Advisory Council* (InTAC)], Program Pengekalan Bakat Tajaan Kerajaan [*Scholarship Talent Attraction & Retention* (STAR)].

Bagi menyediakan belia berkemahiran dan meningkatkan kualiti hidup rakyat, Kerajaan juga komited untuk memberikan latihan kemahiran kepada rakyat Malaysia melalui tiga (3) kaedah iaitu:

- i. Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaB) yang dilaksanakan sepenuhnya di pusat latihan. Sehingga 31 Oktober 2021 terdapat 1,230 Pusat Bertauliah (PB) awam dan swasta dan swasta yang menjalankan pelbagai program latihan berdasarkan NOSS di seluruh Negara.

## SOALAN NO : 162

- ii. Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang menerapkan kaedah 70% latihan di industri dan 30% latihan di pusat latihan. Sehingga 31 Oktober 2021 terdapat 254 pusat latihan dan 1,298 syarikat yang terlibat dalam pelaksanaan SLDN ini.
  
- iii. Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) kepada individu berdasarkan pengalaman kerja yang dimiliki tanpa melalui latihan formal berdasarkan tahap dan bidang kemahiran yang dimiliki. Sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 211,281 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) telah dianugerahkan kepada mereka yang layak.